

Kejayaan Mahathir

laksana 'sirih

pulang ke gagang'

BH - 2 SEPT 1974

KEMENANGAN

tanpa bertanding untuk Dr. Mahathir bin Mohamed, calon Barisan Nasional, bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu, dianggap sebagai "Sirih pulang ke gagang", atau "Pinang pulang ke tampuk" di kalangan ahli-ahli politik.

Sungguhpun kira-kira dua tahun beliau diterima sebagai ahli UMNO sesudah dipecat, namun kegiatan politiknya boleh dikatakan tidak menyeluruh.

Manakala perantaraan sebagai "Senator" juga bukanlah mewakili rakyat yang memilihnya menerusi pilihanraya.

Tetapi kali ini dengan kemenangan itu suaranya, suara sebelum tahun 1969 akan bergema semula di dalam Parlimen, beliau akan menjadi Wakil Rakyat kepada seramai 33,373 orang para pengundi.

Oleh

ANWAR ASMADI

Dr. Mahathir, yang juga Pengerusi FIMA, telah diisytiharkan menang tanpa bertanding pada hari penamaan calon di Pejabat Daerah Kubang Pasu di Jitra.

Seorang calon Barisan Nasional lagi yang juga menang tak bertanding ialah Encik Osman bin Aroff, bagi kerusi Dewan Undangan Negeri, kawasan Jitra.

Sebelum itu beliau adalah Wakil Rakyat kawasan tersebut dan salah seorang Ahli Majlis Kerja Kerajaan (EXCO), Kedah.

Kemenangan kedua-dua calon tersebut telah disambut dengan tepukan gemuruh bagi kira-kira 500 orang para penyokong Barisan Nasional terdiri dari UMNO, PAS, MCA dan MIC.

Kedua-dua calon tersebut dalam ucapannya telah melahirkan rasa

penghargaan yang setinggi-tinggi kepada para penyokong masing-masing.

Encik Osman, sebagai sifatnya Ketua UMNO Bahagian Jitra, telah mengumumkan pemecatan tiga orang ahli UMNO dalam bahagian itu.

Ahli-ahli tersebut ialah Haji Yusoff bin Haji Ishak, Encik Ishak bin Shariff dan Encik Mohd. Isa bin Wahab.

Haji Yusoff, berumur 23 tahun, dipecat kerana menjadi calon Bebas menentang Encik Ismail bin Hanafi, calon Barisan Nasional, bagi kerusi Dewan Undangan Negeri, kawasan Jitra.

Encik Ishak, seorang Penyelia KEMAS adalah menjadi Wakil Calon kepada calon Partai Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Encik Kassim bin Ahmad, yang juga menjadi Ketua Partai tersebut.

Sementara seorang lagi Encik Mohd. Isa menjadi penyokong calon itu.